



Faculty of Language and Communication

**Penggunaan Bahasa di Media Sosial Dalam Kalangan Generasi Z di
Malaysia: Satu Analisis Wacana Komunikasi Pengantaraan Komputer**

Nik Amani Nasrin binti Nik Rosli

(70746)

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Linguistik

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2022

**PENGGUNAAN BAHASA DI MEDIA SOSIAL DALAM
KALANGAN GENERASI Z DI MALAYSIA: SATU ANALISIS
WACANA KOMUNIKASI PENGANTARAAN KOMPUTER**

**Nik Amani Nasrin bt Nik Rosli
(70746)**

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk Sarjana Muda
Sastera dalam Linguistik

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2022

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan (/)

Projek Tahun Akhir

Sarjana

PhD

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA


Perakuan ini telah dibuat pada 21 Januari 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya, Nik Amani Nasrin binti Nik Rosli bernombor matrik 70746 daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Penggunaan bahasa di media sosial dalam kalangan generasi Z di Malaysia: Satu Analisis Wacana Komunikasi Pengantaraan Komputer adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6/6/2022

Tarikh serahan



Nik Amani Nasrin binti Nik Rosli (70746)

Pengesahan Penyelia:

Saya.....(NAMA PENYELIA) dengan ini
memperakui

bahawa hasil kerja bertajuk
----- (TAJUK)

telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan
kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi
penganugerahan

----- (NYATAKAN IJAZAH), dan kerja yang
dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja
pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Tarikh:

(Nama penyelia)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi
di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**


Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan
kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan
secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan
undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/ Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/ Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.

- This Project/ Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/ Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:



(5/6/2022)

Tandatangan Penyelia:

(Tarikh)

Alamat semasa pelajar:

Pt 1236, Kampung Banggol Kerian, 16800, Pasir Puteh, Kelantan

Nota: *Jika Projek/ Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi berserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

ABSTRAK

Seiring dengan perkembangan teknologi dan maklumat telah mengubah secara drastik cara manusia berkomunikasi pada masa kini telah mewujudkan kepelbagaian jenis bahasa yang digunakan di media sosial. Medium media sosial adalah penting dalam pembentukan dan penghasilan jenis penggunaan bahasa yang baharu terutamanya yang digunakan oleh generasi Z. Generasi Z merupakan golongan yang paling kerap menggunakan media sosial, oleh itu adanya pelbagai jenis bahasa yang digunakan oleh mereka sepanjang berkomunikasi menggunakan media sosial. Oleh itu lebih banyak yang perlu diketahui berkenaan dengan analisis bahasa di media sosial menggunakan pendekatan analisis wacana komunikasi pengantaraan komunikasi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa dalam media sosial terutamanya dalam kalangan generasi Z di Malaysia dengan menggunakan kaedah analisis wacana komunikasi pengantaraan komputer dengan memfokuskan terhadap medium media sosial yang paling kerap digunakan, jenis penggunaan bahasa dan faktor-faktor yang mempengaruhi jenis penggunaan bahasa. Data perbualan yang dipilih merupakan korpus perbualan yang terkini. Responden kajian merupakan pelajar sekolah menengah dan pelajar IPT yang lahir dalam lingkungan tahun 1995 hingga 2010. Penemuan penyelidikan ini akan menyumbang kepada pemahaman terhadap cara penggunaan analisis wacana komunikasi pengantaraan komputer (CMCDA) digunakan untuk mengetahui jenis bahasa yang digunakan dalam media sosial responden serta mengetahui faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa aplikasi WhatsApp merupakan aplikasi yang paling banyak digunakan oleh responden, oleh itu dapatan jenis bahasa banyak diperoleh di WhatsApp. Selain itu faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa lebih tertumpu kepada kepantasan dan kecepatan dalam berkomunikasi dan faktor lain yang paling kerap mempengaruhi penggunaan bahasa adalah faktor rakan sebaya yang mendorong pengguna untuk menggunakan jenis bahasa yang sama di media sosial.

Kata kunci: komunikasi pengantaraan komputer, generasi Z, media sosial, rakan sebaya, kepantasan, dalam talian.

ABSTRACT

Along with the development of technology and information has drastically changed the way humans communicate nowadays has created a diversity of types of language used on social media. Social media mediums are important in the formation and production of new types of language use especially those used by generations Z. Generation Z is the group that uses social media most often, therefore there are various types of language used by them throughout communicating using social media. Thus more needs to be known with respect to language analysis on social media using the discourse analysis approach of communication - mediated communication. This study aims to examine the use of language in social media, especially among generation Z in Malaysia by using computer-mediated communication discourse analysis method by focusing on the most frequently used social media medium, type of language use and factors influencing the type of language use. The selected conversation data is the most recent corpus of conversations. The respondents of the study are high school students and IPT students born between 1995 to 2010. The findings of this research will contribute to the understanding of how the use of computer -mediated communication discourse analysis (CMCDA) is used to determine the type of language used in social media respondents and know the factors which affects the use of the language. The results show that the WhatsApp application is the most used application by the respondents, therefore the findings of many language types are obtained in WhatsApp. In addition the factors that influence language use are more focused on speed and speed in communicating and other factors that most often influence language use are peer factors that encourage users to use the same type of language on social media.

Keywords: *Computer mediated communication, generation Z, social media, peer, speed, online*

PENGHARGAAN

Segala puji dan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnianNya yang memberi kekuatan, motivasi dan semangat sepanjang menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia penyelidikan ini iaitu Dr. Collin Jerome atas kesabaran, bimbingan, masa yang diluangkan, dorongan serta maklum balas dan cadangan dalam membantu menyiapkan penyelidikan saya. Tanpa beliau, saya tidak mampu untuk menyiapkan penyelidikan ini dan kehadiran beliau sebagai penyelia saya merupakan salah satu kelebihan dan keistimewaan yang saya syukuri dan saya amat berbesar hati kerana mampu untuk menjadi salah seorang pelajar di bawah bimbingannya.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya Nik Rosli dan Azrizan yang sentiasa memberi sokongan, bimbingan dan kekuatan kepada saya sepanjang bergelar seorang pelajar universiti dan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa bimbingan dan sokongan daripada mereka saya tidak mampu untuk mencapai apa yang telah saya capai sekarang. Saya bersyukur dikurniakan kedua ibubapa seperti mereka dan tanpa restu daripadamereka, saya tidak mampu untuk berada di tempat saya sekarang.

Akhir sekali, dikesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan rapat saya yang sentiasa membantu dan bersama saya, Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya iaitu Nazrin Zulaiqa yang membantu saya menyiapkan penyelidikan ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah yang telah membantu saya sepanjang saya bergelar pelajar di UNIMAS. Terima kasih Dr Hamidah selaku penasihat akademik saya yang sentiasa perihatin kepada saya, juga Dr Ting, Dr Fatimah, Dr Roslan, Dr Yvone, Dr Salbia dan Dr Zuraini. Semoga Allah membalas jasa mereka dan mengurniakan limpahan kebahagiaan dan kesihatan kepada mereka.

KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PERISYTIHARAN KEASLIAN HASIL KERJA	ii
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB	
PENGENALAN	
1.1 Gambaran keseluruhan bab dan pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Permasalahan kajian	3
1.4 Tujuan dan objektif kajian	7
1.5 Definisi operasional terma	7
1.6 Kepentingan kajian	14
1.7 Rumusan bab dan struktur tesis	17
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Gambaran keseluruhan bab	19
2.2 Generasi Z dan media sosial	19
2.3 Jenis penggunaan bahasa di media sosial	21
2.4 Faktor-faktor penggunaan bahasa di media sosial	28
2.5 Tinjauan kajian berkaitan	30
2.6 Sintesis dan kelompangan kajian	45
2.7 Kerangka konseptual	48
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Reka bentuk kajian	52
3.2 Peserta dan teks	52
3.3 Instrumen kajian	54
3.4 Prosedur pengumpulan data	58
3.5 Prosedur menganalisis data	60
3.6 Batasan kajian	66

3.7 Kebolehpercayaan dan kesahan	66
3.8 Pertimbangan etika	69
4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	71
4.1 Hasil dapatan tinjauan	72
4.2 Analisis dapatan penggunaan jenis bahasa media sosial	83
4.3 Dapatan temu bual	91
4.4 Perbincangan hasil dapatan	121
4.5 Perbincangan hasil tinjauan	121
4.6 Perbincangan hasil dapatan temu bual	134
4.7 Kesimpulan bab	144
5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Gambaran keseluruhan bab	146
5.2 Ringkasan dapatan	146
5.3 Implikasi dapatan	149
5.4 Batasan kajian	150
5.5 Cadangan untuk kajian lain	151
5.6 Kesimpulan	152
RUJUKAN	154
LAMPIRAN	
1. Tangkapan layar responden	169
2. Transkripsi temu bual responden	171

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Jenis penggunaan bahasa di media sosial	26
2	Faktor- faktor mempengaruhi penggunaan bahasa di media sosial	30
3	Jenis-jenis penggunaan bahasa berdasarkan CMCA Herring (2004) dan Szurawitzki (2012)	55
4	Soalan untuk survei pantas (<i>quick survey</i>) menggunakan Google Form bagi menjawab objektif kajian pertama	59
5	Soalan temu bual bagi menjawab objektif kajian yang ketiga	59
6	Sampel kaedah analisis kandungan	64
7	Profil demografi responden	73
8	Kekerapan responden melayari platform media sosial	76
9	Individu yang terlibat dalam komunikasi menggunakan bahasa utama	78
10	Jenis penggunaan bahasa yang digunakan dalam platform media sosial	78
11	Individu yang terlibat dalam komunikasi menggunakan bahasa lain	79
12	Individu yang terlibat dalam komunikasi menggunakan bahasa media sosial (slanga, emotikon, pelekat, dsb)	80
13	Faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa di media sosial	82
14	Jenis penggunaan bahasa: Ortografi	83
15	Jenis penggunaan bahasa: Semiotik	84
16	Jenis penggunaan bahasa: Tipografi	86
17	Jenis penggunaan bahasa: Leksikal	87
18	Jenis penggunaan bahasa: Morfologi	88
19	Jenis penggunaan bahasa: Menentukan bahasa yang digunakan	89

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Jenis penggunaan bahasa di media sosial berdasarkan kajian lepas	47
2	Kerangka konseptual kajian	49
3	Integrasi domain struktur bahasa CMCDA (Herring, 2004) dan model analisis (Szuwaritzki, 2012)	50
4	Prosedur pengumpulan data	60
5	Contoh 1 prosedur menganalisis data daripada dua buah Group WhatsApp	62
6	Contoh 2 prosedur menganalisis data daripada dua buah Group WhatsApp	63
7	Kaedah menganalisis data temu bual menggunakan analisis kandungan	63
8	Platform media sosial pilihan responden	74
9	Bahasa utama yang sering digunakan dalam platform media sosial	77

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Gambaran keseluruhan bab dan pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Bab ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, serta menjelaskan tujuan dan objektif kajian, seterusnya definisi operasi bagi setiap istilah dan kepentingan kajian. Pada akhir bab ini, terdapat ulasan pada bab ini. Bab ini akan menerangkan maklumat asas berkenaan dengan penyelidikan ini dan seterusnya menggambarkan tujuan kajian ini dilakukan.

1.2 Latar belakang kajian

Dalam arus perkembangan teknologi dan maklumat yang kian berkembang maju di serata dunia dan kemunculan internet pada tahun 1995 telah melahirkan generasi baru yang dinamakan sebagai generasi Z (Gen-z) (Demir & Sonmez, 2021). Generasi Z di Malaysia adalah merujuk kepada individu yang lahir di antara tahun 1995 hingga 2010 (Manap et al, 2015). Generasi Z turut dikenali sebagai iGeneration, generasi net atau generasi internet kerana generasi ini lahir ketika zaman teknologi internet semakin meluas dan menyebabkan mereka bergantung sepenuhnya terhadap teknologi dan maklumat (Wijoyo et al, 2020). Mereka telah mahir menggunakan teknologi digital sejak dari kecil lagi kerana membesar dalam dunia yang kian berkembang pesat dan berhubung melalui internet. Oleh hal yang demikian generasi Z ini mempunyai kriteria yang jauh berbeza daripada generasi lain yang lebih tua kerana teknologi dan maklumat telah menjadi sebahagian dalam kehidupan golongan generasi Z.

Perkembangan teknologi menyebabkan manusia mengubah cara mereka berkomunikasi iaitu daripada komunikasi bersemuka kepada komunikasi maya (Hashim et al., 2016). Bentuk komunikasi dalam talian tidak seperti bahasa manusia yang berinteraksi secara struktur mengikut tatabahasa yang konvensional dan media sosial telah menyediakan

pelbagai bentuk rangkaian yang khusus kepada pengguna agar komunikasi dapat berlaku secara setempat dan pantas (Nwala & Tamunobelema, 2019).

Media sosial telah digunakan secara meluas bukan sahaja dari sudut perhubungan namun juga terdapat kepelbagaian fungsi lain yang membantu masyarakat untuk meneroka dunia seperti penggunaan rangkaian sosial, audio, video, informasi tanpa had dan pelbagai kegunaan yang lain menyebabkan seramai 28 juta atau 86 peratus masyarakat di Malaysia menggunakan media sosial (BERNAMA, 2021). Terdapat juga laporan berita yang menyatakan golongan belia merupakan pengguna setia media sosial kerana terdedah kepada saluran berkongsi maklumat yang menjadi kepentingan asas yang diperlukan setiap manusia seperti keperluan kognitif berkait dengan pemahaman dan pengetahuan, keperluan afektif yang melibatkan keperluan hiburan dan keperluan peribadi yang digunakan untuk berkongsi maklumat dengan pengguna media sosial yang lain (Ahmad Ghazali, 2021). Kekerapan penggunaan media sosial ini telah mempengaruhi kehidupan masyarakat, terutamanya dalam aspek bahasa. Menurut Ma'alip, (2015), komunikasi maya melalui media sosial merupakan interaksi sosial yang bersifat global ini telah mewujudkan kepelbagaian pola pemilihan bahasa, terutama bagi generasi muda.

Bahasa adalah bersifat dinamik, iaitu bahasa terus menerus berkembang dan mengalami perubahan seiring dengan perkembangan zaman dan penuturnya. Hal demikian menyebabkan penggunaan kata dan istilah baru telah wujud hasil daripada kreativiti penuturnya yang tidak dapat dielakkan, malah hal ini sering terjadi dalam kalangan generasi muda yang sering mencipta istilah-istilah baru hasil daripadanya dengan isu semasa untuk digunakan dalam komunikasi harian (Budiasa et al., 2019). Sejak kebelakangan ini, teknologi digunakan oleh generasi Z seperti internet lebih daripada medium lain. Ia digunakan oleh individu untuk komunikasi dan bergaul. Selaras dengan pertumbuhan kemajuan teknologi, kesan rangkaian sosial dan internet yang berterusan ke atas belia masyarakat telah

menjadi lebih penting bagi penyelidik (Bibi et al., 2017). Teknologi komunikasi telah menghasilkan bentuk bahasa yang baru dan pelbagai untuk kegunaannya di media sosial, fenomena penggunaan bahasa dalam media sosial telah menghasilkan beberapa bentuk linguistik, dimana ianya amat penting dalam sesebuah komunikasi masyarakat.

Bahasa yang wujud di media sosial merupakan fenomena yang menarik untuk dianalisis kerana berhubungan dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Penyebaran bentuk bahasa melalui media sosial menunjukkan wujudnya istilah dan bentuk bahasa yang baru yang telah wujud pada setiap masa hasil daripada komunikasi di media sosial. Fenomena kepelbagaian bahasa di media sosial yang sering berkembang dan digunakan oleh generasi Z memerlukan penerokaan yang lebih lanjut. Oleh itu kajian ini adalah penting untuk menjelaskan penggunaan bahasa internet yang kian meluas di media sosial, terutamanya yang digunakan oleh generasi Z semasa berkomunikasi menggunakan media sosial kerana mereka merupakan golongan yang paling kerap menggunakan media sosial berbanding generasi yang lain. Penggunaan media sosial pada masa kini memainkan peranan yang penting dalam peralihan bahasa pada masa kini.

1.3 Permasalahan kajian

Penyelidikan berkenaan dengan penggunaan bahasa di media sosial telah banyak dijalankan di barat mahupun dalam konteks bukan barat. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian terhadap kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji beberapa kajian yang menganalisis penggunaan bahasa di media sosial dengan menggunakan analisis wacana komunikasi di Malaysia telah dilakukan namun kajian menggunakan analisis pengantaraan komputer masih kurang dijalankan di Malaysia. Hal ini kerana kebanyakan pengkaji hanya meneliti aspek penggunaan linguistik sahaja, manakala CMCDA ini merupakan analisis bentuk bahasa

komputer yang lebih terperinci. Bentuk penggunaan bahasa yang digunakan dalam talian merupakan komunikasi pengantaraan komputer, CMC menurut Jacobs seperti yang dipetik dalam Verheijen (2017), CMC merupakan amalan menggunakan komputer rangkaian dan teks abjad untuk menghantar dan menerima mesej untuk merentasi ruang dan masa.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kajian lepas, didapati bahawa terdapat banyak kajian telah dilakukan dalam mengenalpasti jenis media sosial yang digunakan oleh generasi Z untuk tujuan berkomunikasi. Dapatan kajian lepas menunjukkan generasi Z gemar dan kerap menggunakan medium sosial media seperti Facebook (Thurairaj et al., 2015; Jimma., 2017; Mustaffa et al., 2013; Chua et al., 2014; Nwala & Tamunobelema., 2019; Chan-Olmsted et al., 2013), aplikasi WhatsApp (Manap et al., 2016; Saari & Mahiyaddin; 2017; Baglari et al., 2020). Menurut Jimma (2017) penggunaan media sosial Facebook paling banyak digunakan kerana Facebook membolehkan pengguna untuk menyiarkan mesej mereka dan membenarkan khalayak untuk membaca mesej tersebut, Facebook turut menyediakan penggunaan mesej secara peribadi apabila pengguna ingin mewujudkan jenis komunikasi yang bersifat peribadi manakala aplikasi WhatsApp turut kerap digunakan kerana lebih bercirikan privasi berbanding dengan media sosial lain yang lebih terbuka.

Walaupun bagaimanapun, kajian-kajian ini banyak dilakukan dalam konteks barat yang berfokus kepada generasi Z dan tumpuan kurang diberikan terhadap generasi Z dalam konteks bukan barat, seperti di Malaysia. Walaupun terdapat kajian di negara ini berkenaan dengan penggunaan bahasa di media sosial namun kebanyakannya hanya memfokuskan terhadap penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar IPTS dan IPTA iaitu yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun sahaja (Saari & Mahiyaddin, 2017; Maghfur et al., 2020; Bibi et al., 2018; Abdul Kadir et al., 2012; Aryanti et al., 2019; Chua et al., 2014) namun kajian ini akan memfokuskan terhadap golongan generasi Z di Malaysia yang berumur dalam

lingkungan 11 hingga 25 tahun yang merujuk kepada individu yang lahir di antara tahun 1995 hingga 2010 (Manap et al, 2015).

Seterusnya, kajian lepas yang meneliti jenis penggunaan bahasa dalam talian wujud dalam pelbagai bentuk disebabkan oleh fenomena perkembangan teknologi komunikasi yang telah mempengaruhi cara individu berkomunikasi dimana pengguna bebas untuk menonjolkan persepsi, emosi, pemikiran dan pandangan (Shafiee, 2019). Antara jenis penggunaan bahasa yang telah didapati hasil daripada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas seperti pengguguran vokal atau konsonan, pengguguran vokal dan konsonan, pengguguran suku kata, penggunaan homofon huruf, penggunaan simbol atau angka bagi mewakili sesuatu kata dengan hanya menyatakan huruf awal sahaja, singkatan, emotikon dan homofon (Saari & Mahiyaddin, 2017; Abdul Kadir et al., 2012). Seterusnya, memfokuskan terhadap ciri-ciri linguistik dalam penggunaan bahasa di media sosial (Abdul Kadir et al., 2012; Saari & Mahiyaddin, 2017; Yunis, 2019; Chua et al., 2014), Turut didapati terdapat banyak bentuk penyingkatan (Ahmad Ali, Masruhan & Rohmani Indah., 2020; Verheijen, 2021; Yunis, 2019; Saari & Mahiyaddin, 2017), bentuk akronim dan homofon (Thurairaj et al., 2015; Abdul Kadir et al., 2012), ciri nistik empat dimensi (Verheijen, 2017), dan bahasa prokem berdasarkan fonologi, morfologi dan sintaksis (Aryanti, et al., 2019).

Selain itu terdapat juga penggunaan bahasa rojak seperti campuran bahasa bangsa atau loghat, campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serta kewujudan istilah baru (Shafiee et al., 2019). Turut disokong oleh Maghfur et al. (2020) yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam kalangan remaja sama ada dalam status media sosial mahupun dalam konteks lisan memaparkan kecenderungan konsistensi pragmatik yang tidak menekankan perbezaan peraturan bahasa berdasarkan konteks. Kepelbagaian jenis penggunaan bahasa ini dapat disatukan dalam analisis pengantaraan komputer. Oleh hal demikian, kajian ini penting untuk menganalisis penggunaan bahasa berdasarkan analisis

pengantaraan komputer serta menghuraikan faktor yang mempengaruhi penggunaannya di media sosial.

Untuk mengetahui sebab penggunaan bahasa di media sosial oleh generasi Z harus diketahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan seperti dalam kajian yang telah dijalankan oleh Maghfur et al. (2018) yang menyatakan bahawa jenis penggunaan bahasa di media sosial oleh generasi Z adalah sebagai penekanan terhadap identiti pengguna sebagai seorang remaja, mereka turut lebih selesa untuk meluahkan fikiran dan emosi menggunakan bentuk bahasa yang tidak standard (Jimma, 2017), untuk menjimatkan masa kerana komunikasi dalam talian memerlukan kepantasan (Abdul Kadir et al., 2012; Jimma, 2017), pengaruh rakan sebaya, kecekapan menulis dan taraf penguasaan bahasa ibunda (Jongbloed-Faber et al., 2013), malah mereka turut beranggapan bahawa masyarakat memerlukan bahasa komunikatif yang baharu (Darwish, 2017). Seterusnya tujuan penggunaan media sosial digunakan agar bentuk komunikasi kelihatan berbeza dan sekadar bergurau senda (Budiasa et al., 2019), menarik perhatian, menjadi satu kebiasaan dan untuk memperoleh rakan baru (Darwish, 2017).

Walaupun terdapat banyak jenis bahasa yang digunakan di media sosial oleh generasi Z namun hanya segelintir jenis bahasa sahaja yang dikaji dari segi faktor penggunaannya. Oleh itu kelompangan kajian lepas akan diatasi oleh kajian ini dengan memperoleh dapatan berkenaan dengan faktor yang menyumbang kepada penggunaan bahasa di media sosial. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan dalam bidang ini dengan menjelaskan jenis media sosial yang digunakan berserta dengan tujuan penggunaannya serta menghuraikan fenomena bahasa yang digunakan oleh generasi Z pada masa kini terutamanya di Malaysia malah turut menghuraikan faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa di media sosial terutamanya terhadap penggunaan generasi Z.

1.4 Tujuan dan objektif kajian

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji penggunaan bahasa dalam media sosial terutamanya dalam kalangan generasi Z di Malaysia dengan menggunakan kaedah analisis wacana komunikasi pengantaraan komputer atau *Computer Mediated Communication Discourse Analysis* (CMCDA). Bagi mencapai tujuan kajian, objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti jenis media sosial yang digunakan oleh generasi Z di Malaysia untuk tujuan komunikasi.
2. Mengenal pasti jenis penggunaan bahasa untuk tujuan komunikasi di media sosial dalam kalangan generasi Z di Malaysia.
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi jenis penggunaan bahasa untuk tujuan komunikasi oleh generasi Z di Malaysia.

1.5 Definisi operasional terma

1.5.1 Generasi Z

Menurut Rosdahl dan Carpenter's seperti yang dipetik dalam PrakashYadav dan Rai (2017) terdapat klasifikasi generasi yang menggunakan kategori tahun lahir bagi setiap kohort seperti generasi X (1961-1980), Generasi Y (1981-1990) dan generasi Z (1991 dan seterusnya). Generasi Z merupakan generasi teknologi kerana telah lahir pada tahun dimana teknologi maklumat sedang berkembang. Mereka turut merupakan generasi pertama yang terdedah kepada penggunaan teknologi digital seperti rangkaian sosial dan maklumat yang berlebihan di internet (Turner, seperti dipetik dalam Mat Salleh et al., 2017). Mereka lahir dan membesar dalam kerencakan era teknologi dan mula melayari internet dan web seiring dengan usia

mereka sejak mereka masih belum bercakap (Fital & Kasdan, 2020). Generasi Z membesar bersama perkembangan teknologi yang sangat canggih berserta persekitaran teknologi telah menjadikan mereka individu yang celik internet dan pakar menggunakannya berbanding dengan generasi sebelum mereka (Mohd Sharil et al., 2017). Berdasarkan statistik *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC) (2020) pengguna berumur 20an merupakan pengguna internet paling ramai pada tahun tersebut. Generasi Z merupakan kata kunci utama dalam pengumpulan artikel untuk kajian ini.

1.5.2 Media sosial

Media sosial merupakan perkhidmatan yang berasaskan web yang membolehkan individu, komuniti dan sesebuah organisasi untuk kerjasama, berhubung, berinteraksi, membina komuniti dan berkongsi maklumat antara satu sama lain (Nwala & Tamunobelema, 2019). Menurut Maghfur et al, (2018) media sosial ialah sekumpulan aplikasi berasaskan internet yang dibina atas pelbagai ideologi dan media sosial digunakan untuk berkongsi, mengambil bahagian dan mencipta kandungan dalam blog mahupun rangkaian sosial. Media sosial paling popular di kalangan belia kerana ia memudahkan perkongsian idea, maklumat dan pemikiran melalui pembinaan rangkaian dan komuniti maya. Ia memudahkan interaksi sosial, melalui blog, wiki, alat perkongsian media (audio, foto, video, teks), platform rangkaian (termasuk Facebook) dan dunia maya (Baglari et al. 2020). Media sosial ialah koleksi aplikasi berasaskan internet berdasarkan ideologi dan teknologi Web 2.0, sekali gus membolehkan penciptaan dan pertukaran kandungan oleh penggunanya (Kaplan & Haenlein, seperti yang dipetik dalam Laksana & Fadhilah, 2021). Media sosial dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian bergantung kepada jenis perkhidmatan yang ditawarkan seperti:

1. Rangkaian sosial

Rangkaian sosial merupakan rangkaian yang membantu orang ramai untuk terus berhubung antara satu sama lain meskipun berada di Kawasan yang berlainan. Rangkaian sosial ini juga menawarkan pelbagai kemudahan lain yang mampu menarik perhatian pengguna. Rangkaian sosial ini menawarkan perkhidmatan kepada pengguna untuk berkongsi maklumat, berinteraksi serta berkomunikasi, memuat naik foto dan video, menjalankan urus niaga dan sebagainya tanpa had. Antara platform rangkaian sosial adalah seperti Whatsapp, Facebook, Twitter, Instagram dan LinkedIn. Rangkaian sosial ini turut dikatakan yang lebih visual, kerana orang ramai mampu untuk memuat naik gambar, video, kandungan yang boleh disiarkan secara langsung menyebabkan ramai pengguna tertarik untuk menggunakan media sosial tersebut (Indeed, 2021).

2. Rangkaian perkongsian imej

Terdapat juga platform yang menumpukan kepada perkongsian imej seperti Instagram, Flickr dan Photobucket. Platform ini menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk berkongsi imej dan kandungan yang berkait, Rangkaian ini mampu untuk membantu peniaga agar produk yang dipasarkan dapat menarik perhatian pembeli dengan cara memuat naik maklumat berkaitan dengan produk yang ingin dijual dengan dengan pelbagai cara yang kreatif agar barang jualan terlihat lebih menarik. Hal ini mampu untuk menarik perhatian pembeli dengan pantas (Indeed, 2021).

3. Rangkaian blog dan penerbitan

Rangkaian ini membolehkan pengguna untuk mencipta akaun blog yang membolehkan pengguna untuk berkongsi idea berkenaan dengan kehidupan peribadi, kerjaya, hobi, akademik dan sebagainya. Hal ini boleh menarik perhatian pembaca dengan menarik minat sekelompok

pengguna untuk datang ke rangkaian blog pengguna untuk mendapatkan maklumat yang menarik. Rangkaian blog ini mampu untuk diubah suai mengikut kreativiti pengguna agar pembaca tertarik untuk perhatian pembaca. Rangkaian blog dan penerbitan ini adalah seperti platform Medium, WordPress, Facebook dan Tumblr (Indeed, 2021).

4. Forum perbincangan

Forum perbincangan ini melibatkan orang ramai digalakkan untuk menjawab pertanyaan satu sama lain dan berkongsi idea mereka berkenaan dengan topik atau tema tertentu dalam forum perbincangan tersebut. Kebanyakan platform media sosial ini bergantung kepada pengguna untuk bertanya soalan dan memberikan maklum balas yang jujur serta tepat untuk memperoleh respons yang terbaik. Forum perbincangan ini turut menawarkan perkhidmatan yang membolehkan individu atau sekumpulan individu untuk melakukan penyelidikan pasaran dengan bertanya kepada orang lain tentang pendapat mereka tentang produk atau jenama anda, malah forum perbincangan ini dapat membantu dalam pemasaran yang lebih baik bagi produk anda dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Reddit, Quora, Clubhouse merupakan media sosial yang terangkum di bawah forum perbincangan (Indeed, 2021).

5. Platform pengedaran video

Platform ini mengutamakan penghasilan dan memuat naik video kepada pengguna yang berkeinginan dalam penghasilan video. Platform pengedaran video ini membolehkan penonton untuk menonton video yang dimuatnaik dengan pantas dan mudah. Platform pengedaran video ini juga telah menyediakan banyak peluang yang luas kepada peniaga dengan membolehkan mereka menghasilkan dan memuat naik video berkenaan dengan produk jualan mereka. Bukan sahaja dengan cara memuat naik rakaman video malah peniaga juga turut dapat mempromosikan produk mereka sebagai iklan yang berbayar untuk menarik lebih ramai pelanggan. Antara

platform pengedaran video ialah Youtube, Tiktok, Snapchat, Vimeo dan Instagram (Indeed, 2021).

1.5.3 Komunikasi Pengantaraan Komputer

Era perkembangan teknologi dan maklumat telah menghasilkan bentuk komunikasi baharu yang dikenali sebagai komunikasi dalam talian dengan menggunakan aplikasi yang berasaskan internet. Media sosial merupakan pusat komunikasi utama dan telah menjadi medium komunikasi yang penting pada masa kini malah ianya turut mewujudkan pelbagai jenis penggunaan bahasa di media sosial yang dikenali sebagai komunikasi pengantaraan komputer (CMC).

Menurut Herring (2007) komunikasi pengantaraan komputer merupakan interaksi manusia yang berasaskan teks yang dimediasi oleh rangkaian komputer atau telefon mudah alih yang menyediakan pelbagai data berkenaan dengan tingkah laku manusia dan penggunaan bahasa. Komunikasi pengantaraan komputer merupakan kaedah mencipta, bertukar dan memahami maklumat yang membantu mengkod, menyahkod dan menghantar mesej melalui rangkaian telekomunikasi dan juga merupakan seluruh interaksi manusia yang berasaskan teks simbolik secara langsung ataupun tidak melalui teknologi komunikasi (December, seperti yang dipetik dalam Kumar et al., 2017). Menurut Yu (2011) Komunikasi pengantaraan komputer adalah sebarang transaksi komunikatif yang berlaku melalui penggunaan dua atau lebih rangkaian komputer. Penggunaan bahasa yang digunakan di media sosial adalah ditakrifkan sebagai komunikasi pengantaraan komputer. Justeru, pengkaji akan meneliti penggunaan bahasa komunikasi pengantaraan komputer yang digunakan oleh generasi Z.

1.5.4 Facebook

Facebook telah dilancarkan pada 4 Februari 2004 yang mewakili pertumbuhan yang luar biasa bagi tapak rangkaian sosial dan popularitinya telah meningkat dengan pesat (Abdul Kadir, et al. 2012). Facebook merupakan rangkaian sosial dalam talian Amerika dan ia merupakan permulaan penggunaan internet yang membolehkan pengguna mendaftar akaun peribadi, memuat naik profil, foto, video dan mesej, berkenalan dengan rakan baru yang berbeza (Nwala & Tamunobelema, 2019). Facebook berupaya untuk menjalankan hubungan dengan orang lain atau rakan adalah teras utama fungsi laman rangkaian sosial (Baron dipetik dalam Abdul Kadir et al, 2012). Laman rangkaian Facebook ini telah digunakan sejak awal tahun 2000 dan merupakan laman rangkaian sosial yang paling banyak digunakan dalam kalangan golongan muda sehingga kini (*Facebook- Statistic* dipetik dalam Leier et al, 2017).

1.5.5 Instagram

Aplikasi Instagram merupakan aplikasi mudah alih yang membolehkan orang ramai mengambil gambar, memaparkan aktiviti secara langsung, memuat naik gambar, pemesejan teks dan juga menyiarkan video (Zarei & Rudravarapu, 2020). Instagram membolehkan pengguna untuk merakam foto atau video di mana sahaja mereka berada pada bila-bila masa dan berkongsi dengan pengikut mereka sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa (Huey & Yazdanifard, 2014).

1.5.6 Whatsapp

Aplikasi WhatsApp diambil daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu "*What's up?*" yang bermaksud "*What New?*" yang merupakan mesej yang boleh digunakan dalam telefon pintar dan perisian ini membolehkan pengguna berkongsi dan bertukar gambar, audio, video, mesej